

TEMU BUAI kisah penghisap ganja di Rumah Pengasih dengan wartawan Harian Metro. - Gambar NSTP/HAZREEN

Ganja punah bahagia

Pegawai pemasaran terjebak dadah ketika belajar undang-undang beralih kepada syabu untuk lebih 'kick'

'Pek permulaan' buat penagih baru

Kuala Lumpur: Ganja adalah 'pek permulaan' bagi kebanyakan penagih sebelum mereka beralih kepada dadah sintetik.

Timbalan Presiden Persatuan Pengasih Malaysia (Pengasih) Hafizi Harun berkata, terdapat kira-kira 60 klien di pusat pemulihan berkenaan ketika ini.

"Daripada jumlah itu, dianggarkan kurang 10 klien yang mengambil ganja secara khusus.

"Namun majoriti klien iaitu kira-kira 90 peratus yang mengambil dadah sintetik seperti syabu, he-



HAFIZI

wa ia adalah dadah yang berisiko rendah.

"Ini ditambah dengan situasi banyak negara meng-

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Bermula dengan pengambilan ganja seawal usia 20-an mendorong seorang pegawai pemasaran mengambil dadah jenis sintetik kerana mahu kesan khayal yang lebih *kick*.

Lelaki yang mahu dikenali sebagai John, 30, berkata, dia mula mengambil ganja pada usia 22 tahun ketika menuntut dalam ijazah sarjana muda undang-undang di sebuah universiti swasta pada 2013.

"Saya mula terjerumus dengan ganja kerana terpengaruh dengan rakan-rakan kerana mahu bersosial. Apabila saya mengambil ganja, ia membantu saya mengurangkan rasa malu untuk berkomunikasi dengan rakan selain ketika berhibur.

"Sepanjang tempoh mengambil ganja, saya nampak ada perubahan pada diri saya apabila mula hilang fokus pada pembelajaran," kata-

nya ketika ditemui di Rumah Pengasih di sini, baru-baru ini.

John berkata, selepas empat tahun mengambil dadah itu, dia bertukar kepada dadah jenis sintetik iaitu syabu untuk mendapatkan lebih keseronokan terutama ketika berhibur.

"Walaupun syabu dilihat lebih memudaratkan namun ganja juga mendatangkan banyak kesan negatif ke atas diri saya hingga mengalami masalah kesihatan mental.

"Ada satu ketika, saya pernah berfikir untuk membunuh diri kerana gagal mengawal emosi akibat kesan pengambilan dadah-dadah berkenaan sejak 2013 hingga 2021.

"Namun saya bernasib baik apabila ahli keluarga dan rakan-rakan banyak memberikan sokongan untuk berubah sehingga saya mendaftar dengan Pengasih untuk menghilangkan ketagihan," katanya.

Sementara itu, seorang lagi klien di Pengasih yang hanya mahu dikenali sebagai Azam, 27, berkata, dia terpaksa mengundur diri dari kerjayanya dengan pa-



PENGHUNI Rumah Pengasih menceritakan pengalaman dilalui.

sukan beruniform bagi mengatasi masalah ketagihan ganja dialami sejak 2013.

"Saya mula mengambil ganja semasa menuntut dalam diploma perniagaan di sebuah universiti awam kerana perasaan ingin tahu membuak-buak apabila melihat rakan menghisap dadah berkenaan.

"Pada mulanya saya mengambil dadah itu seminggu sekali sahaja iaitu ketika mahu berhibur. Namun dalam tempoh lapan bulan saya mengambil

ganja, jadual pengambilan itu berubah menjadi setiap hari.

"Ia menyebabkan saya terpaksa menggunakan wang pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan

“
Saya terpaksa menggunakan wang pinjaman PTPN bagi membeli dadah Azam

Tinggi Nasional (PTPTN) bagi membeli dadah itu yang dijual pada harga RM100 bagi sepeket ganja seberat 50 gram," katanya.

Menurutnya, sepanjang tempoh mengambil ganja, dia mula mengasingkan diri daripada rakan dan ahli keluarga kerana kekok untuk berkomunikasi

roin serta ketamain turut menagih ganja pada mulanya.

"Ini kerana kebanyakan mereka dalam proses eksperimen iaitu baru mula 'berjinak' dengan dadah sebelum berubah mengambil dadah sintetik yang lebih *kick*," katanya ketika ditemui di Rumah Pengasih di sini, baru-baru ini.

Hafizi berkata, antara faktor yang mendorong kepada penagihan dadah adalah persepsi orang ramai yang mendakwa pengambilan ganja tidak mudarat dan tidak ketagih.

"Ada dalam kalangan masyarakat yang menganggap pengambilan ganja tidak akan menyebabkan ketagihan berbanding dadah sintetik dan mendak-

dengan mereka jika tidak berhenti kerja bagi memberi tumpuan kepada rawatan pemulihan atas nasihat ibu bapa supaya berubah.

"Selepas hampir dua tahun saya mendapatkan rawatan di sini (Rumah Pengasih), saya akan 'bebas' tidak lama lagi dan merancang mahu bekerja dengan ayah dalam bidang pembinaan," katanya.

"Apabila masalah ketagihan semakin serius, saya membuat keputusan untuk

halalkan penggunaan ganja daripada segi perundangan yang sekali gus mengeliminasi masyarakat mengenai dadah berkenaan," katanya.

Beliau tidak menafikan terdapat kajian menunjukkan penggunaan ganja mempunyai nilai perubahan namun ia memerlukan preskripsi daripada pakar atau doktor bertauliah.

"Terdapat dua bahan kimia yang terdapat pada ganja iaitu CBD (Cannabidiol) dan THC (Tetra Hydrocannabinol). Bagi CBD, ia digunakan dalam bentuk minyak bagi tujuan perubatan, namun yang diambil oleh penagih adalah THC yang memberi kemudahan kepada mereka," katanya.

berhenti kerja bagi memberi tumpuan kepada rawatan pemulihan atas nasihat ibu bapa supaya berubah.

"Selepas hampir dua tahun saya mendapatkan rawatan di sini (Rumah Pengasih), saya akan 'bebas' tidak lama lagi dan merancang mahu bekerja dengan ayah dalam bidang pembinaan," katanya.